



Larangan Menghina Nabi

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَرِأْيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredai Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Tahukah kita, bahawa satu hari nanti di Padang Mahsyar, orang yang beriman setelah dihisab, akan berpusu-pusu menuju ke pintu syurga. Mereka semua, dalam keadaan gelisah, runsing, keluh kesah, atas titian sirat, sama ada jatuh ke jurang neraka, atau terus ke syurga, akan mendapati bahawa di hadapan mereka, ada seorang lelaki, yang penuh berwibawa, yang memimpin berjuta-juta manusia. Apabila lelaki ini tiba di pintu syurga, malaikat al-Khazin, yang menjaga pintu syurga itu bertanya, “*Siapa kamu?*” Maka lelaki itu menjawab: “Akulah Muhammad.” Lalu Malaikat itu pun menjawab:

بِكَ أُمِرْتُ لَا أَفْتَحُ لِأَحَدٍ قَبْلَكَ

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya, aku diperintahkan agar tidak membuka pintu syurga ini kepada orang lain sebelum kedatanganmu.*”



Daripada hadis yang dibaca tadi menegaskan betapa agungnya Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam sehingga pintu syurga tidak dibuka melainkan Baginda memasukinya terlebih dahulu. Kehebatan, kemuliaan dan keagungan Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam adalah anugerah daripada Allah Subhanahu wa-Ta’ala yang sewajarnya mendapat sanjungan dan akhlaknya menjadi ikutan sepanjang zaman.

Jangan lupa, di akhirat nanti, semua manusia akan dibangkitkan dengan orang yang paling disayanginya. Sabda Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam seperti yang diriwayatkan oleh Imām Bukhārī dalam al-Adab al-Mufrad:

عَنْ أَبِي ذَرٍّ قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، الرَّجُلُ يُحِبُّ الْقَوْمَ وَلَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يَلْحَقَ بِعَمَلِهِمْ؟ قَالَ: أَنْتَ يَا أَبَا ذَرٍّ مَعَ مَنْ أَحَبَّتَ، قُلْتُ: إِنِّي أُحِبُّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ، قَالَ: أَنْتَ مَعَ مَنْ أَحَبَّتَ يَا أَبَا ذَرٍّ



Abu Zar berkata: *“Ya Rasulullah, apa pandanganmu kepada seorang lelaki yang suka kepada satu kaum, tetapi tidak mampu untuk bekerja atau beramal seperti kaum tersebut. Apa nasibnya? Jawab Nabi, “Wahai Abu Zar, engkau akan bersama dengan orang yang engkau sayangi.” Tanya Abu Zar lagi, “Sesungguhnya aku amat sayang Allah dan Rasul-Nya.” Jawab Nabi, “Sesungguhnya engkau akan bersama-sama dengan orang yang engkau sayangi wahai Abu Zar.”*

Oleh yang demikian jadikanlah Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam sebagai ikutan dan orang yang paling kita sayangi. Allah Subhanahu wa-Ta’ala berfirman dalam Surah Ali Imran ayat 31:



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ



Yang bermaksud: “*Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala,

Amat malang sekali pada hari ini, terdapat rakyat Malaysia, sama ada muslim mahupun kafir, telah memuat naik gambar dan kenyataan yang menghina Nabi



Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dan isteri Baginda serta agama Islam. Walaupun pihak berkuasa telah mula mengambil tindakan, namun masih ada lagi yang berdegil melakukan penghinaan terhadap Baginda.

Lebih menyedihkan lagi, terdapat segelintir umat Islām yang berlemah-lembut dan tidak tegas dalam berhadapan dengan isu ini. Mereka lebih sensitif atau marah apabila diri mereka dihina dan apabila agama lain disentuh. Sedangkan mengikut hukum syarak ijmak ulama orang yang menghina Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dijatuhkan hukuman berat sehingga boleh dihukum bunuh. Firman Allah dalam Surah al-Ahzab ayat 57:

إِنَّ الَّذِينَ يُؤْذُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا مُّهِينًا



Yang bermaksud: *“Sesungguhnya orang yang mencaci Allah dan Rasul-Nya, Allah melaknat mereka di dunia dan akhirat, dan disediakan bagi mereka azab yang hina.”*

Pernah berlaku sejurus selepas Peperangan Badar, Yahudi Bani Qainuqa’ telah bersikap biadab ke atas Nabi dan umat Islām. Mereka rasa diri mereka kuat, dengan mengejek kononnya Nabi menang ke atas tentera musyrikin Mekkah, kerana tentera Abu Sufyan tidak pandai berperang. Sedangkan kita tahu tentera Badar sendiri bukan dipersiapkan untuk berperang. Pada waktu itu Yahudi Bani Qainuqa’ menjadi bongkak, rasa bangsa mereka kuat, hingga salah seorang pemuda mereka telah mempermainkan seorang wanita Muslimah yang sedang berniaga, sehingga tersingkap sedikit aurat wanita berkenaan. Datang seorang lelaki Muslim untuk membela, tetapi akhirnya dibunuh oleh Yahudi Bani Qainuqa’. Lantas Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam telah



mengutus bala tentera untuk memerangi kebiadaban Bani Qainuqa’, sehingga tercatat bahawa merekalah kelompok pertama yang mengkhianati piagam Madinah, walaupun Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam pada awalnya mengiktiraf mereka sebagai warga negara yang perlu dijamin dan dipelihara haknya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala,

Sebagai penutup khutbah kita pada hari ini, kita sebagai umat Islam yang beriman wajib menyayangi Baginda Sallallahu ‘Alaihi Wasallam lebih daripada bapa, anak dan manusia seluruhnya. Ajarlah anak-anak kita di rumah, serta pelajar-pelajar kita, agar menjadikan Nabi



Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam itu sebagai suri teladan dalam kehidupan. Pihak masjid juga perlu memastikan agar kuliah ilmu mengenai sirah Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam perlu dijadikan agenda utama dalam program masjid. Bagi yang memegang amanah pemerintahan, bersifat tegaslah ke atas penghina Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dan agama, melebihi ketegasan kamu apabila peribadi kamu, serta rakan-rakan sekutu kamu, atau agama lain, disentuh. Undang-undang yang lebih ketat perlu digubal, agar negara kita terus aman dan harmoni daripada anasir yang sengaja mencabar kedaulatan agama Islām dan keharmonian hidup pelbagai bangsa dan agama. Semoga kita semua layak untuk mendapat syafa’at dan mengiringi rombongan bersama Baginda Sallallahu ‘Alaihi Wasallam di akhirat kelak.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّا كَفَيْنَاكَ الْمُسْتَهْزِئِينَ ﴿٩٥﴾

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya Kami tetap memelihara dan mengawalmu dari kejahatan orang yang mengejek-ejek dan mempersendakanmu*”.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُوْلُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ
لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.